

SIRI TATABAHASA MELAYU

**KATA
KERJA**

MOHAMED NAIM DAUPI



www.saujana.sg

Perkataan dalam Bahasa Melayu boleh digolongkan kepada empat, iaitu:





**ialah kata yang menyatakan
makna perbuatan atau
perlakuan tentang sesuatu
atau terhadap sesuatu**



PEMBENTUKAN KATA KERJA

KATA KERJA TUNGGAL

KATA KERJA TERBITAN

KATA KERJA IMBUHAN

KATA KERJA MAJMUK

KATA KERJA GANDA



Kata kerja tunggal ialah kata kerja yang tidak mengalami pengimbuhan, pergandaan dan pemajmukan. Contohnya:

balik	bangun	bantut	batal
bersin	bubar	buntu	duduk
faham	kalah	karam	mandi
maklum	mendak	mundur	padam

terdapat juga bentuk kata kerja terikat yakni kata kerja yang memerlukan imbuhan bagi membentuk kata kerja sepenuhnya. Contohnya:

adu	ajak	ambil	anggap
angkat	asah	abas	bakar
bantu	basuh	beritahu	bimbing dst.

Kata kerja terbitan ialah kata kerja yang dibentuk daripada proses pengimbuhan. Imbuhan yang membentuk kata kerja terbitan ialah:

awalan	akhiran	apitan	sisipan
meN beR teR di memperR diper	-kan -i	meN-kan beR-kan beR-an meN-i di-i di-kan memper-kan memper-i diper-kan diper-i ke-an	-el- -em- -er-



AWALAN	meN beR teR di memper diper	membasuh, berjalan, terasa, dipukul, memperalat, diperisteri,	menanam, bekerja, terkena, dipalu, memperbesar diperoleh,	merotan belajar terbijak disemak memperkuat dipercepat
AKHIRAN	-kan -i	bukukan, contohi,	jatuhkan, dalami,	padamkan sudahi
SISIPAN	-el- -er- -em-	geletar → menggeletar serabut → berserabut gemuruh → bergemuruh		



meN-kan

beR-kan

ber-an

di-kan

meN-i

di-i

mempeR-kan

mempeR-i

dipeR-kan

dipeR-i

ke-an

membesarkan,

berbantalkan,

berlanjutan,

dibebaskan,

menjalani,

didatangi,

memperkatakan,

memperingati,

diperlihatkan,

diperisteri(i),

kehujan,

memasukkan

berpandukan

bertikaman

dipopularkan

membohongi

diyakini

mempertidakkan


mempersuami(i)

dipertunjukkan

diperingati

kedinginan





Penggabungan awalan dan akhiran bagi kata dasar kerja dapat dilihat padarajah sebelah ini. Kecuali 'ketahui', awalan ke tidak boleh digabungkan dengan akhiran kan dan i.



Kata Kerja juga diterbitkan melalui proses penggandaan, baik penggandaan penuh, separa, atau berentak:

Ganda penuh

gelak-gelak
pusing-pusing
jalan-jalan
tengok-tengok
agah-agah
masak-masak
pulang-pulang
makan-makan
baring-bering
muntah-muntah

Ganda Separa

bertambah-tambah
menari-nari
terlompat-lompat
terkinja-kinja
harum-haruman
kejar-mengejar
pukul-memukul
meminta-minta
kasih-mengasihi
berbalas-balasan

Ganda Berentak

mandi-manda
huyung-hayang
cerai-berai
kumat-kamit
bolak-balik
lalu-lalang
pindah-randah
mundar-mandir
susup-sasap
gotong-royong



Kata Kerja Majmuk ialah rangkaian dua morfem bebas atau lebih yang ditulis serangkai atau terpisah.

lipat ganda	tunjuk ajar	beritahu
tolak ansur	usaha sama	
kenal pasti	ubah elok	
guna pakai	muat naik	

Jika kata majmuknya tergolong dalam kata nama, kata tersebut boleh menjadi kata kerja majmuk dengan menggunakan imbuhan tertentu. Contoh:

satu padu	→ menyatupadukan,	bersatu padu
urus niaga	→ mengurusniagakan,	berurus niaga
latar belakang	→ berlatarbelakangkan	
kerjasama	→ bekerjasama	
tanggungjawab	→ dipertanggungjawabkan	



TAMAT